

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 30 OKTOBER 2014 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	RM290 juta jayakan aktiviti penyelidikan	Utusan Malaysia
2.	Efforts by researches and innovators to be recognised at NICE2014	BERNAMA
3.	Efforts by researches and innovators to be recognised at NICE2014	The Rakyat Post
4.	Iklim makin kacau	Harian Metro
5.	Civil servants told to be innovative, courageous	New Straits Times
6.	Jadi pertikaian	KOSMO
7.	Membudayakan inovasi dalam perkhidmatan awam	Utusan Malaysia
8.	Tampil idea unik, kreatif	Utusan Malaysia
9.	Heed warning signs of climate change	New Straits Times
10.	Ribut petir di perairan Sabah berterusan hingga Khamis	BERNAMA
11.	Pembelaan Amwar dakwa konspirasi dan kekhilafan dalam analisis DNA	BERNAMA
12.	Peguam bela Anwar timbulkan kemungkinan sampel rektum milik orang lain	BERNAMA

Sasaran mengkomersialkan 360 produk berimpak tinggi

RM290 juta jayakan aktiviti penyelidikan

Oleh SHARAIMEI SHAIK
AHMEDULLAH

pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 29 OKT.

KEMENTERIAN Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) memperuntukkan dana penyelidikan sebanyak RM290 juta ringgit bagi menjalankan pelbagai aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C) yang berimpak tinggi bermula tahun ini.

Menterinya, Datuk Dr. Ewon Ebin berkata, dana tersebut disediakan bagi mencapai sasaran untuk mengkomersialkan sebanyak 360 produk inovasi berimpak tinggi dalam tempoh enam tahun akan datang.

"Dalam pembentangan belanjawan baru-baru ini kementerian ini menerima peruntukan sebanyak RM1.3 bilion bagi pembangunan inovasi dan pengkomersialan yang mana kita sasarkan pada tahun ini, sebanyak 65 produk (R&D&C) akan dipasarkan dan menjelang 2020, sasaran sebanyak 360 produk dapat dicapai.

"Antara produk berinovasi tinggi yang dirancang melibatkan bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), sains, teknologi, biote-

knologi dan lain-lain lagi," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar prapelancongan Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan 2014 (NICE 2014) di pejabatnya di sini hari ini.

Menurut Ewon, keutamaan pihaknya adalah bagi menawarkan produk yang berjaya dikomersialkan itu untuk pasaran tempatan dan luar negara.

Katanya, untuk tahun ini, sebanyak 58 produk berinovasi telah berjaya dikomersialkan manakala tujuh lagi produk akan dilancarkan dalam masa terdekat.

Katanya, antara produk yang telah dipasarkan adalah *Magic Zlate II*, filem *Upin & Ipin 'Geng: Pengembangan bermula'* dan filem *Hikayat Merong Mahawangsa*.

Pada masa sama, beliau berkata, menerusi peruntukan yang diberikan dalam belanjawan itu juga, satu inisiatif baharu iaitu jaringan penyelidikan awam dan swasta diterajui Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) bernilai RM50 juta akan dilaksanakan.

Dalam pada itu, mengulas persidangan NICE 2014, Ewon berkata,

program tersebut merupakan kemuncak kepada Tahun Pengkomersialan MOSTI (MCY2014) yang turut menganjurkan Persidangan dan Pameran Pengkomersialan MOSTI (MCCE) pada Ogos lalu.

Ewon berkata, persidangan selama tiga hari bermula Jumaat ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu akan menyediakan pelbagai program menarik antaranya platform pengkomersialan teknologi, perkhidmatan maklumat dan promosi jualan.

"Pada Sabtu ini akan diadakan Malam Anugerah Inovasi Negara yang dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin bagi menyampaikan empat anugerah utama iaitu anugerah inovasi, anugerah saintis muda, anugerah juru teknologi dan anugerah berprestij MIMOS.

"Selain itu, kita juga akan menganjurkan sebuah persidangan dengan mengetengahkan pengamal industri dalam dan luar negara seperti Ketua Pegawai Eksekutif Hong Leong Islamic Bank, Raja Teh Maimunah Raja Abdul Aziz; Pengarah Urusan Google Malaysia, Sajith Sivanandan dan Pengasas Pusat Sosial Inovasi, Prof. Dr. Josef Hochgerner," katanya.



DR. EWON EBIN

info

RM1.3 bilion

Peruntukan yang diterima oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bagi pembangunan inovasi dan pengkomersialan.

65 produk

disasarkan pada tahun 2014.

360 produk

disasarkan menjelang 2020.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 30 OKTOBER 2014 (KHAMIS)



Efforts By Researchers And Innovators To Be Recognised At NICE 2014

PUTRAJAYA, Oct 29 (Bernama) - Efforts by researchers and innovators will be recognised at National Innovation Award to be held in conjunction with National Innovation Conference and Exhibition (NICE 2014) at Putra World Trade Centre (PWTC) this Friday.

The National Innovation Award offers two categories namely products and services with the winners receiving RM50,000 each.

Winners in the grassroots category will receive RM20,000 while winners in the school category will receive RM10,000.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Dr Ewon Ebin said other programmes lined-up include booths and business matching sessions.

"This is our effort to promote science and technology in this country," he said targeting between 5,000 and 7,000 visitors at NICE 2014.

NICE 2014 will also feature the Young Scientist Award, Technologist Award, and the Mimos Prestigious Award.



Israel's Netanyahu fumes at reported US slur



Live updates - Day 3: Anwar's final sodomy 2 appeal



Cheaper way to get a Ferrari - IPO coming soon



PUBLISHED: Oct 30, 2014 10:12am **UPDATED:** Oct 30, 2014 10:12am

Efforts by researchers, innovators to be recognised at NICE 2014

PUTRAJAYA, Oct 30, 2014:

Efforts by researchers and innovators will be recognised at National Innovation Award to be held in conjunction with National Innovation Conference and Exhibition (NICE 2014) at Putra World Trade Centre (PWTC) tomorrow.

The National Innovation Award offers two categories namely products and services with the winners receiving RM50,000 each.

Winners in the grassroots category will receive RM20,000 while winners in the school category will receive RM10,000.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Dr Ewon Ebin said yesterday, other programmes lined-up include booths and business matching sessions.

"This is our effort to promote science and technology in this country," he said targeting between 5,000 and 7,000 visitors at NICE 2014.



NICE 2014 will also feature the Young Scientist Award, Technologist Award, and the Mimos Prestigious Award.

IKLIM MAKIN KACA

■ Perubahan cuaca tak menentu cetus kejadian puting beliung di Malaysia

Oleh Yusliza Yakimir Abd Talib
dan Fazurawati Che Lah
amal@metro.com.my
Kuala Lumpur

Kejadian puting beliung yang dulunya asing di Malaysia kini tidak lagi boleh dipandang ringan kerana ia boleh berlaku pada bila-bila masa.

Betapa tidak, perubahan iklim yang ekstrem dan tidak menentu berlaku di Malaysia sehingga mencetuskan kejadian berkenaan.

Prof Dr Mastura Mahmud daripada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkata, bukti perubahan iklim yang ekstrem di negara ini adalah penurunan suhu mendadak di beberapa negeri diikuti cuaca kering sebelum ini.

"Malaysia juga dilihat tidak ketinggalan untuk menerima kehadiran puting beliung sebagai salah satu fenomena alam yang agak unik. Bagaimanapun, puting beliung kecil yang wujud dalam keadaan cuaca baik umumnya tidak berbahaya.

"Cuma, setakat ini mana-mana ahli sains di dunia tidak dapat



PUSARAN angin puting beliung yang berlaku berhampiran KM63.3 Lebuhraya Utara-Selatan dekat Pandang menyebabkan 10 rumah dan sebuah sekolah rosak.

menjangkakan puting beliung berlaku kerana ia terjadi secara tiba-tiba malah dalam tempoh 15 minit sebelum fenomena berlaku, ia juga tidak boleh dijangka," katanya kepada Harian Metro di sini, semalam.

Menurutnya, puting beliung amat sukar diramal dan ia hanya dapat diramal apabila titik tekanan rendah di dalam awan kumulonimbus dikesan oleh radar Doppler.

Katanya, keadaan itu menye-

habkan penduduk yang kawasan kediamannya dijangka dilanda puting beliung hanya mempunyai masa yang sangat terhad untuk ke tempat perlindungan.

"Menurut NASA National Weather Service, cara terbaik mengelak puting beliung adalah dengan bergerak pada sudut 90 darjah daripada pergerakan puting beliung itu," katanya.

Sementara itu, Pegawai Jabatan Meteorologi Malaysia



KERATAN AKHBAR
 HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 49
 TARIKH : 30 OKTOBER 2014 (KHAMIS)

U



“Mana-mana ahli sains di dunia tidak dapat jangkaan puting belulang berlaku kerana ia terjadi secara tiba-tiba”

Mastura Mahmud

(JMM) Azlai Taat berkata, cuaca yang tidak menentu ketika ini berpunca daripada perubahan monsun menyebabkan atmosfera tidak stabil sehingga mengakibatkan hujan lebat berserta ribut petir dan angin kencang, selain boleh menyebabkan bertaku puting belulang.


Katanya, keadaan itu dijangka berterusan sehingga pertengahan November ini.

“Dalam tempoh atmosfera tidak stabil, ribut beserta petir adalah cara yang amat baik untuk atmosfera melepaskan tenaga.”

“Ini kerana apabila udara lembap yang hangat bertembung dengan udara kering yang sejuk ia akan naik ke atas manakala wap air memeluwap di udara dan menghasilkan awan.”

“Wap air yang memeluwap akan membebaskan haba di dalam bentuk tenaga iaitu awan ribut petir melalui proses kondensasi. Ketika proses pengembangan ribut beserta petir ini, hujan akan menyejukkan semula proses dan tenaga itu hilang,” katanya.

Azlai berkata, orang ramai di nasihati supaya tidak berada di kawasan lapang ketika hujan atau ketika ribut beserta petir berlaku walaupun dalam tempoh singkat.



RUMAH Halimah Talib di Kampung Alor Besar rosak dibadai ribut.



ABDULLAH Talib melihat keadaan rumahnya yang rosak teruk di Kampung Alor Besar.



KEADAAN sebuah rumah yang rosak teruk akibat ribut.

“Individu berdiri di tengah padang atau kawasan lapang adalah sasaran yang berisiko tinggi untuk disambar petir.”

“Jika ada petir di kawasan berdekatan, individu terbabit mungkin akan memintas lejang petir dan menjadi mangsa penahan petir.”

“Dalam keadaan seperti ini, seseorang mesti mencari tempat perlindungan yang besar dan kukuh

apabila mendengar guruh atau melihat awan hitam yang berdekatan,” ujarnya.

Beliau berkata demikian bagi menngulas laporan akhbar mengenai seorang lelaki yang sedang berjoging di Taman Tasik Titiwangsa, di sini, maut dalam keadaan mengerikan selepas dipanah petir petang, Khamis lalu.

Dalam kejadian jam 6.30 petang,

mangsa, S Palinappan, 52, maut terbakar di tubuh seujur disambar petir ketika melalui laluan berhampiran Kelab Golf Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Difahamkan mangsa yang tinggal di Setapak, di sini, berjoging seorang diri sejak jam 6 petang di kawasan rekreasi itu.

Petir dikatakan menyambar sebatang pokok kelapa berhampiran

sebelum mengenai tubuh mangsa. Malaysia melalui tempoh peralihan monsun bermula hujung September hingga pertengahan November yang menggantikan fasa akhir monsun barat daya.

Selepas tempoh berkenaan, negara dijangka mengalami monsun timur laut (musim tengkujuh) pula pada pertengahan November dan berakhir Mac tahun depan.

CIVIL SERVANTS TOLD TO BE INNOVATIVE, COURAGEOUS

LAVANYA LINGAN
AND TEH PEI YING
SERDANG
news@nst.com.my

CIVIL servants are urged to challenge the status quo, contradict the conventional approach and build the courage to come up with unique, out-of-the-box ideas.

In making the call, Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin said a culture of innovation would have to be cultivated in the public service to better improve the quality of the delivery system.

"To achieve this, the roles of heads of departments is crucial as to provide space and opportunity to his or her subordinates to expand their ideas. They should be encouraged to innovate and look for better solutions to existing problems."

Speaking at the Prime Minister's Department's Innovation and Excellence Day, here, yesterday, Muhyiddin said heads of department should be creative in preparing platforms to generate and encourage the growth of new ideas.

Heads of departments, he said, could conduct brainstorming sessions in small groups, provide opportunities for subordinates to attend training to enhance their skills and give incentives and recognition to staff who create positive changes in the organisation.

This, he said, could attract civil servants to contribute to their respective departments voluntarily, as their ideas would simplify everyday duties.

"Civil servants should not only think



Tan Sri Muhyiddin Yassin visiting show booths at the Prime Minister's Department's Innovation and Excellence Day in Serdang, yesterday. With him is Tan Sri Dr Ali Hamsa (second from left). Pic by Asyraf Hamzah

INOVASI
JABATAN PERDANA MENTERI

out of the box, but also act on their ideas. A positive innovative ecosystem could be created in the workplace if this culture is cultivated. Innovative culture goes hand in hand with effective service delivery," he said.

Muhyiddin said social innovation was as important as innovation based on research and development, as its played a role in the betterment of people's lives.

He said the concept of social innovation could be instilled in the civil service through the establishment of new

ideas that need to be debated and tested.

"There should not be fear of failure and repeated attempts to obtain the best possible outcome. To encourage this, an innovation lab that provides space to try out new ideas can be set up at ministries, government departments and agencies. The existing Innovation Unit in ministries could consider setting up these labs."

Social innovation, he said, would be successful only if it reaches the target group. Thus, channels and access to the community should be expanded.

Muhyiddin said the success of a nation depended on its human capital, and, in this context, civil servants acted

as pillars of the country.

Thus, he said, civil servants should have a global mindset, without compromising their values, culture and morals.

He also encouraged civil servants to be active in community and social work, as well as sports and recreational activities to create a work-life balance.

"Let us become versatile individuals or organisations, especially in this hyper connected, multidirectional and inter-dependent world," he said.

Present were Chief Secretary to the Government Tan Sri Dr Ali Hamsa and Attorney-General Tan Sri Abdul Gani Patail.

Peguam bela dakwa DNA Lelaki Y dalam dubur Saiful tidak semestinya milik Anwar Ibrahim

Air mani Anwar jadi pertikaian

Oleh TURMADZI MADUN, FAIZAL NAZARUDDIN dan NUR AISHAH AMIN
berita@kosmo.com.my

PUTRAJAYA - Pihak pembelaan Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu Mahkamah Persekutuan di sini semalam bahawa profil asid deoksiribonukleik (DNA) Lelaki Y yang ditemui dalam rektum (dubur) Mohd. Saiful Bukhari Azlan tidak semestinya milik pemimpin pembangkang itu.

Dalam hujahnya di hadapan lima panel hakim yang diketuai Ketua Hakim Negara, Tun Arifin Zakaria, peguam Sangeet Kaur Deo berkata, tiada bukti sama sekali untuk mengaitkan DNA Lelaki Y dengan Anwar.

Beliau menjelaskan, tiada seorang pun pegawai polis yang bertugas di lokap melihat Anwar menggunakan tiga barangan iaitu berus gigi, tuala Good Morning dan botol air mineral yang diberikan kepadanya oleh polis ketika tertuduh ditahan semalaman di lokap Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur pada 16 hingga 17 Julai 2008.

Sangeet berkata, seorang pegawai polis memberitahu mahkamah bahawa dia hanya mendengar bunyi seolah-olah Anwar memberus giginya.

"Dia melihat Anwar menggunakan tandas sel tetapi dia tidak melihat perayu (Anwar) memberus gigi," katanya.

Oleh itu, beliau berkata, adalah tidak mungkin untuk mengaitkan profil DNA Lelaki Y



KERATAN Kosmo! 26 April 2011.



dengan Anwar kerana ia boleh menjadi DNA sesiapa sahaja.

Oleh itu, hujah Sangeet lagi, pihak pendakwaan hanya bergantung kepada keterangan mengikut keadaan bahawa Anwar telah menggunakan barangan itu, sedangkan pasukan penyiasat polis tidak pernah melihat Anwar menggunakan ketiga-tiga barang tersebut.

"Keterangan mengikut keadaan biasanya apabila tidak ada keterangan langsung. Tetapi dalam kes ini, kita mempunyai saksi yang melihat perayu tidak menggunakan barang-barang itu," katanya.

Sangeet memberitahu, profil DNA tersebut ditemui hasil analisis ke atas barang-barang yang diambil dari lokap iaitu berus gigi, tuala Good Morning dan botol minuman yang kemudian didapati sama dengan DNA yang ditemui di dalam rektum Mohd. Saiful

yang dikenali sebagai DNA Lelaki Y.

Namun, Hakim Mahkamah Persekutuan, Tan Sri Abdullah Hamid Embong menjelaskan bahawa dalam undang-undang, keterangan mengikut keadaan boleh digunakan.

Dalam pada itu, peguam bela Ram Karpal Singh berhujah profil DNA Lelaki Y yang dikaitkan dengan Anwar gagal dibuktikan tanpa keraguan bahawa DNA itu milik perayu oleh pihak pendakwaan.

"Sebanyak 12 sampel diambil daripada Mohd. Saiful dan ditanda oleh ahli kimia Dr. Siew Shueu Feng namun mahkamah tidak dapat menentukan bukti dari aspek ketepatan dan peratusan sampel itu," ujarnya.

Pendengaran kes rayuan Anwar itu bersambung hari ini dengan pihak pembelaan meneruskan hujah mereka pada hari ketiga.

Sementara itu, tinjauan Kosmo! di sekitar Istana Kehakiman di Putrajaya semalam menyaksikan kira-kira 500 penyokong Anwar berada di pekarangan

Perbicaraan Rayuan Kes Liwat Anwar

BARISAN HAKIM MAHKAMAH PERSEKUTUAN



PENDAKWAAN



PEMBELAAN



mahkamah dan mereka seperti kelmarin turut melakukan pelbagai provokasi terhadap anggota polis yang mengawal kawasan itu.

Ketika Anwar tiba di Putrajaya pada pukul 9 pagi, sekumpulan penyokong Anwar cuba merempuh penghadang yang diletakkan kira-kira 300 meter dari pintu masuk ke Istana Kehakiman.

Bagaimanapun, tindakan pan-

tas polis berjaya menyekat kemaraan kumpulan itu.

Provokasi kedua berlaku pukul 3 petang dengan penyokong Anwar membakar poster gambar Mohd. Saiful sebelum kumpulan sama menolak penghadang untuk berada lebih dekat dengan pintu Istana Kehakiman. Rayuan kes liwat Anwar turut mengundang kewujudan banyak gerai-gerai haram di sekitar Istana Kehakiman.



ANGGOTA polis mengawal pagar yang cuba dirempuh penyokong Anwar untuk mara ke kawasan Istana Kehakiman di Putrajaya semalam.



SEBAHAGIAN penyokong Mohd. Saiful berkumpul di hadapan Istana Kehakiman, Putrajaya bagi memberi sokongan kepada bekas pembantu peribadi Anwar Ibrahim itu.

KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 11 TARIKH : 30 OKTOBER 2014 (KHAMIS)



MUHYIDDIN YASSIN membuat imbasan sebagai gimik pelancaran Majlis Sambutan Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri Tahun 2014 di MAEPS, Serdang, semalam. Turut hadir Ali Hamsa (dua dari kiri) dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal (kiri).

Membudayakan inovasi dalam perkhidmatan awam

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

INOVASI
JABATAN PERDANA MENTERI

HARI Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri (JPM) 2014 merupakan satu usaha untuk menyemarakkan pembudayaan inovasi di Jabatan Perdana Menteri Dalam usaha untuk menjayakan transformasi yang sedang giat dilaksanakan dalam perkhidmatan awam.

Selaras dengan dasar penjaminan yang sedang diamalkan kerajaan, pada tahun ini, jabatan berkenaan menganjurkan majlis tersebut dengan melibatkan kerjasama daripada 41 buah jabatan dan agensi di bawah

Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBO5).

Penganjuran majlis itu bertujuan memberi pengiktirafan kepada jabatan atau agensi di bawah JPM yang telah mencapai kecemerlangan dalam pelbagai bidang sama ada dalam pengurusan organisasi; penghayatan inovasi; sosial mahu pun sukan.

Bertemakan 'Menyemarak Inovasi, Merealisisi Transformasi', penyampaian anugerah Inovasi

JPM adalah untuk menggalakkan pembudayaan inovasi dalam usaha untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat selain memberi pengiktirafan kepada setiap agensi atau jabatan yang berjaya menghasilkan produk inovasi yang signifikan dan berimpak tinggi.

Pada tahun ini, sebanyak 37 produk inovasi dipertandingkan iaitu 22 kategori Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan 15 kategori bukan ICT telah menyertai Anugerah Inovasi JPM.

Dalam majlis yang disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin itu, pameran inovasi daripada setiap agen-

si dan jabatan turut diadakan di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) Serdang, semalam.

Ketika berucap dalam majlis tersebut, Muhyiddin berkata, penglibatan kolaborasi daripada 41 buah jabatan dan agensi di bawah JPM itu merupakan pendekatan penganjuran strategik dan menepati dasar penjaminan yang sedang diamalkan kerajaan.

Muhyiddin berkata, sambutan majlis seumpama itu diyakini bukan satu agenda yang baharu disebut-sebut oleh warga perkhidmatan awam.

"Inovasi sering ditekankan dalam semua aspek dan agenda pembangunan negara terutama dalam misi transformasi ke arah menca-



MUHYIDDIN YASSIN melihat Pam Haba sambil mendengar penerangan daripada Pegawai Sains Demonstratur Pusat Sains Negara, Abdul Shukur Ahmad Sayuti.



PAMERAN tentang GST turut diadakan sempena Majlis Sambutan Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri Tahun 2014.

pai wawasan negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

"Dalam konteks perkhidmatan awam, pemberian perkhidmatan terbaik kepada pelanggan iaitu rakyat, merupakan fokus utama dalam inisiatif transformasi yang cuba digarapkan dalam pelaksanaan tugas harian semua p jawat awam," katanya.

Yang turut hadir ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan JPM, Datuk Othman Mahmood dan Penasihat Pembangunan Keusahawanan dan Iktisad Wanita di JPM, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.



Inovasi sering ditekankan dalam semua aspek dan agenda pembangunan negara terutama dalam misi transformasi ke arah mencapai wawasan negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020."

MUHYIDDIN YASSIN
Timbalan Perdana Menteri

Penjawat awam perlu berani zahirkan idea melalui tindakan inovatif - TPM

Tampil idea unik, kreatif

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 29 OKT.

SETIAP penjawat awam perlu berani menampilkan idea-idea unik di luar kotak dengan sentiasa mencabar status quo serta menyanggah pendekatan konvensional.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, pada masa sama, golongan tersebut perlu bertindak di luar kebiasaan bagi menzahirkan idea kreatif melalui tindakan inovatif.

Kata beliau, dalam hal ini peranan ketua jabatan amat penting untuk menyediakan ruang serta peluang kepada warga organisasinya bagi melebarkan horizon pemikiran dan menampilkan inovasi yang bitara melalui pendekatan sedia ada dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat.

"Ketua-ketua jabatan hendaklah lebih kreatif dalam menyediakan pelbagai platform untuk menjana dan menggalakkan percambahan idea baharu yang sesuai supaya mereka sendiri secara sukarela mengusahakan sesuatu pembaharuan yang dapat memudahkan tugas.

"Inovasi yang telah dibudayakan dalam perkhidmatan awam perlu terus diperkasa bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan secara tuntas," katanya ketika berucap dalam majlis sambutan Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri 2014 di Serdang dekat sini hari ini.

Pada majlis bertemakan 'Meyemarak Inovasi, Merealisisi Transformasi' itu, Muhyiddin turut menyampaikan anugerah pelbagai kategori yang menobatkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sebagai Jabatan Paling Inovatif dalam Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri 2013.

Turut menerima pengiktirafan ialah Jabatan Peguam Negara bagi Anugerah Aplikasi Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS), Parlimen Malaysia (Anugerah Peneraju e-Per-



MUHYIDDIN YASSIN menyampaikan Anugerah Inovasi kepada Ketua Pengarah Jakim, Datuk Othman Mustapha (kanan) setelah jabatan itu dinobatkan Jabatan Paling Inovatif pada sambutan Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri 2014 di Serdang dekat Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ali Hamsa (kiri). - BERNAMA

olehan) dan Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Anugerah Pusat Tanggungjawab Terbaik).

Menurut Muhyiddin, beberapa pendekatan boleh diusahakan oleh ketua jabatan antaranya mengadakan sesi percambahan idea dan memberi peluang kepada kakitangan untuk menyertai latihan bagi mempertingkatkan kemahiran mereka.

Selain itu, kata beliau, pemberian insentif dan pengiktirafan dalam

bentuk ganjaran kewangan atau bukan kewangan kepada yang berjaya mencetuskan perubahan positif dalam organisasi boleh dilaksanakan.

"Dengan ini, ekosistem inovasi yang positif dapat diwujudkan dengan lebih berkesan di tempat kerja sekali gus dapat menggerakkan pembudayaan inovasi seiring dengan budaya kecemerlangan perkhidmatan yang telah dicanangkan sejak sekian lama," katanya.



Pada masa sama, golongan tersebut perlu bertindak di luar kebiasaan bagi menzahirkan idea kreatif melalui tindakan inovatif."

MUHYIDDIN YASSIN
Timbalan Perdana Menteri

NATURAL DISASTERS

Heed warning signs of climate change

SINCE young, we have been taught that Malaysia is a land free of any natural disaster except flooding. However, the recent episodes of mini-tornado or land/water spouts, as defined by the Meteorological Department, suggest that we need to seriously look into the paradigm shift that is occurring in our weather system.

In Pendang, Kedah, it tore off the roofs of eight houses and uprooted trees, lamp posts and electricity cables, while in Pandamaran, Klang, it damaged 30 houses, tore off the roofs of six apartment blocks, uprooted trees, damaged signboards and sank several boats.

Although the mini-tornado here was nowhere near the size of those in other parts of the world, it should serve as a wake-up call to all Malaysians about the importance of adapting to climate change.

According to the recently published Research Report by Climate Central, Malaysia is one of 20 most-at-risk countries exposed to sea-level rise and coastal flooding due to climate change.

It also reported that Malaysia had spent nearly US\$2.6 billion (RM8.5 billion) in the last decade to alleviate frequent flooding. This is evident as we can see flooding in the east coast of the peninsula is an

annual norm.

These disasters, facts and figures are a preamble on what is in store for coastal communities, especially in the east coast of the peninsula and Sabah if we are not serious in finding ways to adapt to the impact of climate change.

We have seen no specific measures in terms of policies, laws or public campaigns to adapt to the impact of climate change despite the prime minister having made a pledge in 2009 to reduce carbon dioxide emission by up to 40 per cent (fixed to the 2005 levels) by 2020, subject to assistance from developed countries.

Although we are a relatively safe country that is free from natural disasters compared with our Asean neighbours, our weather system is still highly influenced by the monsoon season. Major flooding in the northern and southern regions of the peninsula in recent years has left substantial damage to the local residents' life and the trend is predicted to continue.

According to the recently published Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC) 2013 Climate Change report, exceptional rainstorms are "very likely" to become more intense and more frequent over mid-latitude countries and the wet tropics. The area encompassed by the monsoon sys-

tems is likely to increase over the 21st century and monsoon rainfall is likely to intensify. The monsoon season is likely to lengthen in many regions.

The episodes of tornado and more frequent flooding here have given us a harsh lesson and inconvenient warning that we are running out of time. We must walk the talk now. Make emergency response plans a must-have drill at all community levels to face any natural disaster that is caused by the weather uncertainty nowadays so that the damage will be minimised.

Weather forecast systems must be improved and upgraded in order to provide the most accurate information to the people even during the worst weather.

Without specific and legally binding plans of action and playing the waiting game, the governments of the world meeting every year will or may already have sold the future generation to uncertain and perhaps grave repercussions.

Heed the warning signs and act fast with solid action plan instead of just getting away with lame excuses such as water or land spouts.

Foon Weng Lian, secretary-general, Water and Energy Consumer Association of Malaysia

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 30 OKTOBER 2014 (KHAMIS)



Ribut Petir Di Perairan Sabah Berterusan Hingga Khamis

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) mengeluarkan amaran aktiviti ribut petir yang berlaku di pedalaman dan pantai barat perairan Sabah akan berterusan sehingga awal pagi Khamis ini.

Dalam kenyataan di sini pada Rabu, jabatan itu memaklumkan ribut petir yang berlaku di perairan Labuan turut dijangka berterusan sehingga awal pagi esok dan keadaan itu berbahaya kepada bot-bot kecil.

"Ribut petir boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kilometer sejam dan laut bergelora dengan ombak setinggi 3.5 meter," menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA



Pembelaan Anwar Dakwa Konspirasi Dan Kekhilafan Dalam Analisis DNA

PUTRAJAYA, 29 Okt (Bernama) -- Perbicaraan rayuan kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim disambung hari ini dengan peguam-peguam pembelaan terus mengemukakan penghujahan mengapa Mahkamah Persekutuan harus membatalkan sabitan dan hukuman lima tahun penjara terhadap Penasihat PKR itu.

Selepas penghujahan panjang lebar oleh peguam utama Datuk Seri Gopal Sri Ram pada Selasa, tiga peguam lain pembelaan menyatakan mereka memerlukan sepanjang hari ini untuk membuat penghujahan mereka.

Peguam N.Surendran meneruskan penghujahannya di hadapan panel lima hakim yang diketuai Ketua Hakim Negara Tun Arifin Zakaria.

Ia diikuti peguam Sangeet Kaur Deo yang akan berhujah mengenai sampel yang diambil daripada sel di mana Anwar ditahan semalaman di Ibu Pejabat Kontinjen Polis Kuala Lumpur susulan laporan polis oleh bekas pembantunya Mohd Saiful Bukhari Azlan mengenai dakwaan kejadian itu.

Sementara itu, peguam Ramkarpal Singh mungkin berhujah dengan terperinci mengenai analisis DNA di mana beliau akan mempertikaikan integriti sampel yang diambil daripada Mohd Saiful.

Peguam kanan Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mengetuai pendakwaan pula dijangka membuat penghujahannya esok, dan prosiding rayuan kes liwat Anwar mungkin berlanjutan sehingga Jumaat.

Mahkamah Apex (mahkamah tertinggi dalam sistem kehakiman Malaysia) dijadual menetapkan tarikh lain untuk menyampaikan keputusannya kerana pihak pendakwaan dan pembelaan membuat penghujahan secara menyeluruh mengenai kes itu selain membawa isu-isu baharu untuk dipertimbangkan mahkamah.

Pada 9 Jan 2012, Mahkamah Tinggi melepas dan membebaskan Anwar atas kesalahan meliwat Mohd Saiful atas alasan mahkamah tidak boleh 100 peratus pasti mengenai integriti sampel DNA yang diambil daripada Mohd Saiful.

Mahkamah telah memutuskan bahawa sampel itu boleh terjejas sebelum ia tiba di [Jabatan Kimia](#) untuk dianalisis.

Pada 7 Mac tahun ini, Mahkamah Rayuan membatalkan penghakiman Mahkamah Tinggi dan mendapati Anwar bersalah meliwat Mohd Saiful.

Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa hakim perbicaraan itu terkhilaf apabila meragui integriti sampel berdasarkan keterangan dua pakar saksi yang dipanggil oleh pihak pembelaan.

Anwar dijatuhi hukuman penjara lima tahun bagi kesalahan itu yang didakwa dilakukan di Unit 11-5-1 Kondominium Desa Damansara, Jalan Setiakasih, Bukit Damansara antara 3.10 petang dan 4.40 petang pada 26 Jun 2008.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan, yang membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Ini kes liwat kedua terhadap Anwar.

Dalam kes pertama, Anwar didapati bersalah meliwat pemandu keluarganya, Azizan Abu Bakar, di Tivoli Villa di sini pada 1994 dan dijatuhi hukuman penjara sembilan tahun oleh Mahkamah Tinggi pada 8 Ogos 2000.

Anwar menjalani hukuman itu selepas selesai menjalani hukuman penjara enam tahun atas kesalahan rasuah setelah disabitkan terhadap empat tuduhan rasuah pada 4 April 1999.

Anwar dibebaskan pada 2 Sept 2004 apabila Mahkamah Persekutuan yang diketuai Hakim Tun Abdul Hamid Mohamad meminda sabitan kesalahan itu dan mengetepikan hukuman penjara terhadap dakwaan meliwat Azizan, dalam keputusan majoriti 2-1.

Anwar dibebaskan apabila Abdul Hamid dan dua lagi hakim Datin Paduka Rahmah Hussain dan Tengku Datuk Baharuddin Shah Tengku Mahmud bercanggah dari segi tarikh sebenar kejadian liwat, walaupun pada umumnya, ketiga-tiga hakim itu bersetuju bahawa berlakunya aktiviti liwat antara Anwar, Azizan dan adik angkat Anwar, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja.

-- BERNAMA



Pegum Bela Anwar Timbulkan Kemungkinan Sampel Rektum Milik Orang Lain

PUTRAJAYA, 29 Okt (Bernama) -- Mahkamah Persekutuan di sini pada Rabu diberitahu bahawa terdapat kemungkinan analisis yang dilakukan dua ahli kimia terhadap sampel palitan yang diserahkan kepada mereka oleh pegawai penyiasat diambil daripada orang lain, bukan daripada Mohd Saiful Bukhari Azlan.

Ramkarpal Singh, seorang daripada peguam yang mewakili Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata keputusan analisis terhadap sampel itu menunjukkan DNA yang diambil daripada tiga palitan daripada rektum pengadu (Mohd Saiful) berada dalam keadaan asli.

Katanya ia bercanggah dengan sejarah sampel selama hampir 96 jam setelah ia diambil tiga doktor Hospital Kuala Lumpur.

Ramkarpal memberitahu panel lima anggota hakim diketuai Ketua Hakim Negara Tun Arifin Zakaria bahawa penjelasan saintifik bagi sampel yang boleh mengalami biodegrasi, terutama dari mana sampel berkenaan diambil (rektum), akan menunjukkan bahawa berlaku degradasi sekiranya ia melebihi tempoh 36 jam.

Beliau berkata, malah dua ahli kimia berkenaan sendiri, [Dr Seah Lay Hong dan Nor Aidora Saedon](#), mengaku dalam pemeriksaan balas bahawa 'berlaku banyak degradasi' dalam tiga sampel yang diambil daripada rektum atas dan bawah Mohd Saiful.

Kata Ramkarpal keadaan itu menyebabkan berlaku degradasi DNA dalam sampel berkenaan, sesuatu yang sangat penting.

"Ini tidak konsisten dengan sampel yang diambil daripada PW1 (Saksi Pendakwa 1, Mohd Saiful) yang menimbulkan keraguan serius sama ada sampel yang dibuat analisis itu sebenarnya diambil daripada PW1," kata beliau.

Peguam itu menegaskan bahawa tempohnya melebihi 36 jam dan analisis terhadap sampel berkenaan menunjukkan ia berada dalam keadaan tidak tercemar.

Katanya Mahkamah Rayuan terkhilaf kerana tidak melihat isu itu, yang mewujudkan keraguan serius dalam kes ini kerana pihak pendakwaan gagal memanggil saksi pematang untuk menjelaskannya.

"Satu-satunya kesimpulan yang boleh dibuat tentang isu ini ialah sampel berkenaan berkemungkinan tidak sama dengan yang diserahkan kepada [Jabatan Kimia](#)," katanya.

Apabila Arifin bertanya kepada ketua pendakwa Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah sama ada beliau bersetuju dengan hujah itu, Muhammad Shafee berkata pihak pendakwaan mempunyai penjelasan sendiri tentang isu itu dan akan memberi respons dalam jawapan mereka esok.

Ramkarpal juga menimbulkan isu pencemaran dengan berkata Dr Seah mengaku terdapat satu lagi DNA milik seorang lelaki lain, selain Mohd Saiful, yang dikenali sebagai 'Male Y'.

(Untuk rekod, dalam kes pendakwa, DNA 'Male Y' merujuk kepada Anwar).

"Kehadiran satu lagi DNA dalam sampel yang diambil daripada rektum Mohd Saiful menunjukkan kemungkinan telah berlaku pencemaran di mana, kami tidak boleh mengetepikan ia mungkin milik pegawai penyiasat Jude Pereira (Supt Bersara Judy Blacious Pereira), yang mengendalikan sampel berkenaan," katanya.

Beliau menggesa Mahkamah Apex itu meneliti pendapat pakar dua saksi pembelaan iaitu Prof David Lawrence Wells dan Dr Brian Leslie McDonald bahawa untuk mengelak wujudnya kemungkinan itu, sampel berkenaan sepatutnya diserahkan dengan serta merta kepada Jabatan Kimia.

Ramkarpal berkata hingga kini, tiada siapa yang tahu siapakah pihak ketiga itu.

Katanya walaupun hakim perbicaraan memutuskan bahawa wujud kes prima facie, namun terdapat jarak serius dalam rangkaian bukti, tetapi beliau membuat keputusan tepat pada akhir kes pembelaan dengan membebaskan Anwar, terutama setelah mengambil kira pandangan pakar daripada Wells dan Dr McDonald.

Ramkarpal berkata Mahkamah Rayuan gagal menilai isu berkaitan degradasi dan pencemaran apabila mensabitkan kesalahan Anwar, dan oleh itu, Mahkamah Persekutuan perlu memperbetulkan keputusan itu.

Perbicaran disambung Khamis, dengan Ramkarpal dijadual menyambung hujahnya pada sesi pagi, manakala Muhammad Shafee akan menjawab di sebelah petang.

Pada 7 Mac, Mahkamah Rayuan menjatuhkan hukuman lima tahun penjara terhadap Anwar, 67, bagi kesalahan meliwat Mohd Saiful di Unit 11-5-1, Kondominium Desa Damansara di Jalan Setiakasih, Bukit Damansara antara pukul 3.10 petang dan 4.30 petang pada 26 Jun 2008.

Tuduhan mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan itu memperuntukkan hukuman penjara hingga 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

-- BERNAMA